

FAKTOR-FAKTOR KONFLIK RUMAH TANGGA: KAJIAN DI UNIT RUNDING CARA JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

Zanariah Dimon, Azizah Mohd Rapini, Hammad b. Dahalan, Zaini Yusnita Mat Jusoh &
Nur Zulfah Md Abd. Salam,
zanariah@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Perkahwinan adalah suatu ibadah yang menjadi tuntutan fitrah manusia. Melalui perkahwinan, setiap pasangan suami isteri dapat mengatur suatu kehidupan yang baik, sempurna dan penuh tanggung jawab. Walau bagaimanapun, terdapat perkahwinan yang diuji dengan pelbagai masalah dan konflik sehingga akhirnya berlaku perceraian sekiranya tidak diselesaikan dengan baik. Terdapat juga pasangan yang mencari ruang untuk menyelesaikan konflik tersebut dengan mendapatkan khidmat nasihat atau runding cara daripada pihak-pihak yang bertauliah. Kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti faktor-faktor konflik rumah tangga dalam kalangan pasangan suami isteri muslim di Selangor berdasarkan kes-kes yang dirujuk di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor. Data kajian ini diperolehi melalui temubual separa struktur. Hasil kajian mendapati bahawa konflik rumah tangga berlaku kerana wujudnya elemen-elemen nusyuz dan shiqaq dalam kalangan pasangan suami atau isteri. Permasalahan ini berpunca dari faktor ekonomi, masalah sosial dan kurang penghayatan agama. Oleh itu, keperluan proses runding cara sangat penting bagi membantu pasangan yang bermasalah ini supaya dapat mencari kaedah penyelesaian yang terbaik. Kertas kerja ini juga mencadangkan beberapa langkah bagi menangani dan mengekang permasalahan ini daripada berlanjutan bagi melahirkan rumah tangga yang sakinah, mawaddah dan rahmah.

Kata kunci: konflik, rumahtangga, runding cara

1. Pendahuluan

Perkahwinan merupakan satu ikatan murni antara seorang lelaki dan perempuan untuk hidup bahagia bersama dalam sesebuah rumah tangga. Perkahwinan diharuskan oleh Syarak bukanlah semata-mata untuk kenikmatan hubungan seksual, bahkan terdapat banyak fungsi lain yang seharusnya diambil perhatian oleh setiap pasangan yang telah berkahwin. Walau bagaimanapun, hubungan suami isteri dalam mengharungi alam rumah tangga tidak selalunya indah. Pasangan suami isteri tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai konflik dan perselisihan faham sepanjang mengendalikan rumah tangga.

Syarak dan undang-undang telah menyediakan banyak kaedah penyelesaian dalam menangani krisis rumah tangga sama ada mendapatkan nasihat orang yang dipercayai, melantik hakam dan menghadiri kaunseling sebelum akhirnya pasangan suami isteri membuat keputusan untuk bercerai sekiranya konflik yang berlaku tidak dapat diselamatkan lagi. Sekiranya perceraian berlaku, akan menyebabkan banyak kesan negatif terhadap institusi kekeluargaan dan emosi anak-anak terutamanya. Banyak faktor yang menjadi punca kepada konflik dalam rumah tangga sama ada melibatkan faktor dalaman atau faktor luaran. Sehubungan itu, artikel ini akan mengemukakan faktor-faktor berlakunya konflik dalam rumah tangga berdasarkan data yang diperolehi daripada Unit Runding Cara Keluarga (URK), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

2. Konflik Rumah Tangga dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan

Permasalahan atau konflik rumah tangga merupakan satu isu yang sudah lama wujud dan diperkatakan dalam masyarakat. Konflik rumah tangga adalah suatu perkara yang sering melanda dalam kehidupan berumah tangga. Haliza A. Shukor (2012) mentakrifkan krisis atau konflik rumah tangga sebagai keadaan tidak tenteram atau tidak stabil yang berlaku di dalam sesebuah rumah tangga akibat daripada faktor-faktor tertentu yang akhirnya boleh membawa kepada masalah penderaan, keganasan dan akhirnya berlaku perceraian. Menurut A. Hariri dan Raihanah Azahari (2014), kebanyakan perceraian berlaku kerana konflik dalam perkahwinan, pengabaian tanggung jawab, penderaan dan penganiayaan. Perceraian selalunya digunakan untuk menyelesaikan kemelut dalam rumah tangga. Namun begitu, perceraian adalah amat tidak digalakkan dan merupakan langkah terakhir penyelesaian konflik sekiranya semua langkah penyelesaian gagal.

Konflik rumah tangga kebiasaannya melibatkan elemen-elemen nusyuz dan *shiqaq* sama ada di pihak suami atau isteri yang berpunca dari faktor ekonomi, masalah sosial dan kurang penghayatan agama. Nusyuz dari segi bahasa bermaksud derhaka. Isteri yang nusyuz ialah isteri yang menderhakai suaminya dalam perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan suami yang nusyuz pula ialah suami yang menzalimi atau menganiaya isterinya (Haliza A. Shukor. 2012). *Syiqaq* pula menurut istilah fiqh adalah perbalahan antara suami isteri dan Islam menganjurkan supaya dilantik dua orang wakil yang menjadi orang perantaraan yang berpengaruh dan boleh menyelesaikan masalah mereka (Salleh Ismail. 2003). Manakala menurut undang-undang *shiqaq* bermaksud perselisihan atau perkelahian berterusan antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan dan memerlukan kuasa penimbang tara atau hakam untuk menyelesaikan perselisihan tersebut (seksyen 48 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003).

Islam telah menggariskan hak-hak dan tanggung jawab yang perlu ditunaikan bagi kedua-dua belah pihak selepas menjalani kehidupan berkeluarga. Hak isteri adalah tanggung jawab suami dan hak suami adalah tanggung jawab isteri. Segalanya perlu dilaksanakan seiring dan perlu dijaga dengan sebaiknya (Zaini Yusnita. 2014). Kebahagiaan, keharmonian dan kesejahteraan keluarga banyak bergantung kepada peranan suami dan isteri. Konflik akan berlaku dalam perkahwinan sekiranya hak-hak dan tanggung jawab tersebut tidak ditunaikan sebaiknya oleh suami atau isteri. Pengabaian hak dan tanggung jawab dalam rumah tangga akan memberi kesan bukan sahaja kepada hubungan dan emosi suami isteri, malahan melibatkan anak-anak dan institusi kekeluargaan. Ini bertepatan dengan pernyataan A. Hariri dan Raihanah Azahari (2014) bahawa perkahwinan yang bermasalah juga secara tidak langsung akan memberi kesan negatif kepada pasangan, anak-anak dan komuniti.

3. Faktor-faktor Konflik Rumah Tangga di Unit Runding Cara, JAIS

Perkahwinan adalah suatu ibadah yang menjadi tuntutan fitrah manusia. Melalui perkahwinan, setiap pasangan suami isteri dapat mengatur suatu kehidupan yang baik, sempurna dan penuh tanggung jawab. Namun begitu, konflik rumah tangga masih banyak berlaku dalam kalangan masyarakat Islam. Kajian lepas mendapati antara punca-punca krisis rumah tangga ialah pengetahuan dan pendidikan agama yang tidak sempurna, tekanan bebanan kerja, sikap pasangan, campur tangan pihak luar, masalah ekonomi dan sebagainya (Haliza A. Shukor. 2012).

Unit runding Cara, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bertanggung jawab mengendalikan khidmat nasihat dan runding cara kepada suami isteri yang menghadapi masalah dalam perkahwinan. Unit ini menerima kelayan secara sukarela dan proses dilaksanakan oleh pegawai-pegawai hal ehwal Islam yang bertugas di unit tersebut.

Berdasarkan data yang diperolehi daripada temubual bersama pegawai di unit tersebut, banyak faktor yang menjadi punca kepada konflik dalam rumah tangga sama ada melibatkan pihak suami, isteri atau pihak lain. Berikut adalah faktor-faktor bagi konflik rumah tangga yang dikenal pasti dalam rekod aduan di Unit Runding Cara, JAIS:

4.1 Ketagih arak dan dadah

Menurut Nor Syaibah Shahabuddin et al. 2016), Individu yang kurang didikan agama cenderung untuk tidak melaksanakan tanggung jawab dalam rumah tangga. Didikan dan penghayatan agama adalah faktor terpenting yang perlu dititikberatkan dalam kehidupan berumah tangga. Ini kerana ketirisan ilmu agama dalam kalangan pasangan menyebabkan pasangan tidak mengetahui tanggung jawab sebenar mereka sebagai suami isteri. Malah ada aduan di URK, JAIS melibatkan suami terlibat dengan penagihan dadah dan arak sehingga mengabaikan tanggung jawab mereka dalam rumah tangga.

“ada kelayan kata suami mengaku penagih dadah.” (Pegawai URK, JAIS. 24:56)

4.2 Masalah psikiatri atau psikologi

Tanggung jawab suami isteri boleh dilaksanakan dengan baik sekiranya dalam keadaan yang tenang, tiada tekanan dan emosi stabil. Walau bagaimanapun, sekiranya salah satu pihak dalam perkahwinan menghadapi masalah emosi dan psikologi, boleh memberi kesan kepada pengurusan keluarga sehingga menimbulkan krisis dalam rumah tangga.

“ada klien yang mengatakan saya memang rasa stress, tertekan, sudah nak tidur.” (Pegawai URK, JAIS. 27:05)

4.3 Tidak memberi nafkah

Menurut Wan Murni Wan Mokhtar(2018), sumber kewangan yang kukuh boleh membantu kesejahteraan rumah tangga. Sekiranya suami menghadapi masalah kewangan, ia menjadi punca berlakunya konflik disebabkan tiada kemampuan memberi nafkah dan menanggung perbelanjaan keluarga. Berdasarkan rekod aduan di URK, JAIS, terdapat kes-kes konflik rumah tangga berkaitan kegagalan suami memberi nafkah kepada isterinya:

“ada kes tu suami kata bagi tapi sebenarnya ia bukan nafkah, isteri kata tak bagi.” (Pegawai URK, JAIS. 38:50)

4.4 Peranan dan campur tangan orang ketiga

Kewujudan pihak ketiga juga boleh menjadi punca berlakunya konflik rumah tangga. Pihak ketiga bukan sahaja merujuk kepada orang ketiga atau kekasih tetapi juga ahli keluarga, saudara mara atau sahabat. Hubungan dengan orang ketiga boleh menyebabkan berlaku perbalahan dan konflik berpanjangan sehingga berlakunya perceraian. Kebiasaannya, orang ketiga memujuk, menghalang dan menghasut, supaya meninggalkan rumah tangga dan mengabaikan tanggung jawab sebagai suami atau isteri (Zaini Yusnita. 2014). Dalam kes

yang diadakan di URK, JAIS membuktikan campur tangan orang ketiga boleh menimbulkan krisis atau konflik dalam perkahwinan.

“bapa mertua kata kena ceraikan isteri dalam masa dua minggu.” (Pegawai URK, JAIS. 41:15)

4.5 Masalah seksual

Keperluan seksual adalah fitrah dan kehendak suami dan isteri yang memasuki alam perkahwinan. Sekiranya fitrah tersebut tidak ditunaikan akan wujud ketidak puasan hati, rasa teraniaya dan konflik dalam perkahwinan tersebut.

“sejak akad nikah sampai dah dekat setahun tak sentuh isteri, isteri tak nak, isteri tak bagi.” (Pegawai URK, JAIS. 43:28)

4.6 Sikap negatif suami atau isteri

Keharmonian rumah tangga banyak bergantung kepada sikap dan peranan suami isteri. Sikap negatif pasangan seperti suka marah dan panas baran akan memberi kesan kepada keharmonian tersebut.

“ada kes suami ada orang lain, suami asyik nak menang, asyik nak marah-marah.” (Pegawai URK, JAIS. 1:10:38)

4.5 Ketidakadilan dalam berpoligami

Islam mengharuskan perkahwinan poligami tetapi mestilah berlaku adil sesama isteri dalam perkahwinan tersebut. Banyak konflik berlaku dalam perkahwinan poligami disebabkan suami berkahwin poligami secara rahsia, tidak berlaku adil segi giliran bermalam, pemberian nafkah dan sebagainya.

“ada satu kes isteri pertama patah hati, kecewa suami kahwin lain di Siam.” (Pegawai URK, JAIS. 1:21:20)

4.6 Penderaan

Penderaan dan penganiayaan fizikal dan mental dalam kalangan pasangan suami isteri adalah salah satu faktor berlakunya *syiqaq* dalam perkahwinan. Isteri yang teraniaya boleh memohon fasakh sekiranya berlaku penderaan tersebut. Walau bagaimanapun masih ada isteri yang terus bertahan dalam rumah tangga sehingga memberi kesan kepada emosi dan mental isteri.

“ada kes kena pukul teruk, tetap sayang suami.” (Pegawai URK, JAIS. 1:28:04)

4.7 Hobi

Menurut aduan yang dilaporkan di URK, JAIS, hobi atau kegemaran masa lapang pasangan juga boleh mewujudkan konflik dalam perkahwinan sekiranya ia dilakukan secara tidak berhemah.

“Suami suka main game, suami suka main basikal harga RM2000 lebih nama Sofia.” (Pegawai URK, JAIS. 1:31:14)

4. Peranan Unit Runding Cara dalam Menangani Konflik Rumah Tangga

Runding cara didefinisikan sebagai khidmat nasihat menerusi perbincangan masalah dan cara-cara mengatasinya (Noresah Baharom .2007). Kebiasaannya amalan runding cara ini diamalkan di Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di bahagian Undang-Undang

Keluargaan. Runding cara melibatkan proses khidmat pemberian bimbingan dan nasihat menerusi perbincangan masalah dan cara-cara mengatasinya. Menurut Ahmad Atabik (2013), kaunseling dalam keluarga merupakan suatu proses bimbingan kepada individu yang menghadapi konflik rumah tangga secara konsisten oleh kaunselor atau pegawai runding cara.

Sementara itu, kajian Mohamed Sharif Mustaffa (2003) mendapati perkhidmatan runding cara di jabatan agama Islam dilaksanakan oleh pegawai kaunseling bagi membantu pasangan suami isteri yang mempunyai masalah rumah tangga. Walau bagaimanapun, kajian mendapati kebanyakan pasangan yang mendapat khidmat nasihat sudah mempunyai keputusan untuk bercerai dan proses kaunseling hanya untuk memujuk mereka untuk mengubah fikiran.

Berdasarkan kajian oleh Raihanah Azahari (2007) di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling di Shah Alam mendapati, wanita merupakan jumlah yang paling ramai menjadi pengadu. Kenyataan ini menunjukkan bahawa wanita mungkin merasa lebih tertekan apabila berlakunya permasalahan rumahtangga. Kenyataan ini juga menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan yang tinggi berlakunya pengabaian tanggungjawab di kalangan para suami memandangkan jumlah mereka yang diadu adalah 204 orang atau 68%.

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa aduan krisis rumah tangga yang diterima oleh Jabatan Agama Islam Daerah Petaling di Shah Alam adalah daripada pelbagai latar belakang, tahap pendidikan dan status ekonomi. Antara aduan yang paling banyak dikemukakan ialah kegagalan suami memberikan nafkah kepada isteri, poligami, meninggalkan isteri atau menghilangkan diri, sikap suami yang suka menjalinkan hubungan dengan perempuan lain. Ini disokong oleh jenis aduan yang disenaraikan dalam Prosedur Operasi Standard Khidmat Nasihat & Runding Cara Kekeluargaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (Khidmat Nasihat & Runding Cara Kekeluargaan). Dapatan yang sama, Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari (2016) dalam kajian yang lain, juga mendapati antara faktor konflik rumah tangga disebabkan faktor yang sama. Walau bagaimanapun, kajian mendapati hasil runding cara di Bahagian Undang-Undang Keluarga di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) penghayatan Islam adalah penting dalam mengekalkan kerukunan rumah tangga.

Seterusnya, Shamshina Mohamad Hanifa (2013) menjelaskan satu lagi kaedah iaitu rundingan. Rundingan tidak melibatkan penglibatan mana-mana pihak ketiga. Ini kerana pihak yang terlibat sendiri (pihak yang bertikai) mengawal proses dan hasilnya. Mereka cuba untuk mengenal pasti perkara-perkara yang saling menarik dalam menyelesaikan isu-isu yang timbul untuk mencapai situasi menang-menang (*'win-win situation'*). Ini membantu untuk meletakkan sesuatu dalam perspektif yang lebih baik dan mewujudkan impak yang berpanjangan, selain menjimatkan kos dan masa, ianya juga dapat mengeratkan hubungan daripada memburuk-burukkan antara pihak-pihak berkenaan.

Terdapat perbezaan amalan dan pelaksanaan runding cara di Jabatan-Jabatan Agama Islam di Malaysia. Di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), proses runding cara dilaksanakan oleh Unit Perunding dan Pembangunan Keluarga (UPPK) yang menyepadukan kaedah kaunseling dan nasihat berasaskan agama Islam, ilmu psikologi dan kemasyarakatan. Kaedah kaunseling UPPK berasaskan kepada gaya nasihat dan kaunseling

yang digunakan pada zaman Rasulullah s.a.w. yang digabungkan dengan ilmu psikologi dan sosiologi moden. Perkhidmatan Kaunseling dan Khidmat Nasihat Kekeluargaan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) boleh didapati oleh klien pada bila-bila masa sahaja pada waktu pejabat tanpa membuat temu janji terlebih dahulu. Klien perlu ke kaunter Unit Perunding dan Pembangunan Keluarga dan mengisi borang yang disediakan. Perkhidmatan ini terbuka kepada semua dan tiada sebarang syarat yang dikenakan untuk mengikutinya. Seorang kaunselor akan bertugas setiap hari bagi mengendalikan kaunseling dan khidmat nasihat kekeluargaan (Fariza Md Sham, Siti Ruqayah Hj Tibek & Othman Hj Talib, 2013).

Kajian Yusmini Md. Yusoff (2003) mendapati isu-isu yang biasa diutarakan dalam proses runding cara adalah seperti keganasan rumah tangga, masalah seksual, personaliti, komunikasi, jangkakan perkahwinan yang tidak realistik, tiada keintiman dan peristiwa harian yang memberi tekanan. Lazimnya kehadiran kedua-dua pasangan suami dan isteri adalah penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan proses runding cara ini. Oleh itu, proses runding cara sangat penting dalam menyelesaikan krisis rumah tangga dan konflik kekeluargaan.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, banyak faktor yang boleh dikaitkan dengan konflik dalam perkahwinan. Konflik rumah tangga berlaku kerana wujudnya elemen-elemen nusyuz dan *shiqaq* dalam kalangan pasangan suami atau isteri. Permasalahan ini berpunca dari faktor ekonomi, masalah sosial dan kurang penghayatan agama serta faktor-faktor sampingan yang lain seperti sikap pasangan, masalah kesihatan dan sebagainya.

Beberapa langkah penyelesaian boleh dilaksanakan bagi menangani dan mengekang permasalahan ini daripada berlanjutan bagi melahirkan rumah tangga yang *sakinah, mawaddah* dan *rahmah*. Di antara kaedah untuk menyelesaikan konflik dalam perkahwinan melalui program kaunseling, mendapatkan khidmat nasihat atau rundingan bersama pakar perunding yang berkemahiran dalam ilmu perkahwinan dan kekeluargaan dan mengikuti kursus pasca perkahwinan bagi pasangan yang mendapat khidmat kaunseling susulan di URK. Hasil kajian di URK, JAIS menunjukkan terdapat pasangan yang terbaik-terbaik semula, tidak meneruskan hasrat untuk bercerai dan mendengar nasihat panel perunding untuk berdamai selepas menghadiri sesi rundingan. Justeru, keperluan proses runding cara sangat penting bagi membantu pasangan yang bermasalah ini supaya dapat mencari kaedah penyelesaian yang terbaik menyelesaikan krisis atau konflik dalam perkahwinan.

6. Rujukan

- Ahmad Atabik. 2013. Konseling Keluarga Islami (Solusi Prolematika Kehidupan Berkeluarga). *KONSELING RELIGI : Jurnal Bimbingan Konseling Islam*, 167.
- Ahmad Harari dan Raihanah Azahari. 2014. Pengukuhan Institusi Keluarga Melalui Kawalan Terhadap Perceraian: Analisis Literatur. *Jurnal Fiqh*. No. 14. 175-194
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor 2003
- Fariza Md Sham, Siti Ruqayah Hj Tibek & Othman Hj Talib. 2013. *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haliza A. Shukor et al. 2012. Krisis Rumah Tangga: Punca-punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah dan Undang-undang Siri 4*. Vol. 4. 68-85

- Mohamed Sharif Mustaffa. 2003. Analisis Keperluan Kaunseling Terhadap Masalah Perceraian, Kajian Kes Kualitatif di Jabatan Agama Islam Johor. *Seminar Kebangsaan Kaunseling* (pp. 1,12-13). Kedah: Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Nor Syaibah Shahabuddin et. al. 2016. Perceraian dalam kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat: Explorasi Faktor. *Jurnal Sains Sosial Malaysian*. Jil 1. 36-52
- Noresah Baharom. 2007. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari. 2016. Penghayatan Islam dan Hubungannya dengan Konflik Rumahtangga: Kajian di Unit Runding Cara, Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor. *Jurnal Syariah*, 417-418.
- Raihanah Azahari. 2007. Permasalahan Rumahtangga : Kajian di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor. *Jurnal Syariah*, 116-117,119-121, 123-124, 126,128.
- Shamshina Mohamad Hanifa. 2013. Law of Arbitration in Malaysia : A Practical and Fair Avenue for Achieving Justice. *Malayan Law Journal Articles*, 1.
- Temubual bersama Pegawai Unit Runding Cara, di Jabatan Agama Islam Selangor, Shah Alam pada 28 Jun 2018
- Wan Murni Wan Mokhtar et. al. 2018. Analisis Punca Perceraian dalam kalangan Remaja: Kajian Kes di Kota Bharu 2010-2014. *Jurnal Fikiran Masyarakat*. Jil 6. No 2. 57-62
- Yusmini Md. Yusoff. 2013. Kepentingan Kaunseling dalam Menangani Masalah Rumahtangga. *Jurnal Usuluddin*. Bil 18. 137-148
- Zaini Yusnita Mat Jusoh dan Zanariah Dimon. 2014. Undang-undang Menangani Orang Ketiga Dalam Rumah Tangga: Satu Sorotan dalam Undang-undang Jenayah Syariah Negeri Selangor dan Undang-undang Keluarga Sivil. *eProsiding International Research Management and Innovation Conference 2014*.